



28 APR, 2022

30 April tarikh akhir pindaan Borang Nyata BE tanpa penalti

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

30 April tarikh akhir pindaan Borang Nyata BE tanpa penalti

Kuala Lumpur: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) membenarkan pembayar cukai membuat pindaan maklumat dalam Borang Nyata atau e-Filing yang telah dihantar.

Bagaimanapun, HASIL dalam satu kenyataan berkata, pindaan perlu dibuat dalam tempoh pengemukaan Borang Nyata mengikut kategori pembayar cukai bagi mengelakkan penalti.

Bagi pembayar cukai yang menghantar Borang BE Tahun Taksiran 2021, pindaan perlu dibuat sebelum atau pada 30 April 2022.

"Pindaan Borang Nyata ke atas taksiran cukai yang dilaporkan perlu mengikut prosedur sama ada membabitkan pendapatan terlebih, terkurang atau langsung tiada pendapatan dilaporkan.

"Ini memandangkan pindaan tanpa penalti hanya terpakai sekiranya ia dibuat sebelum 1 Mei 2022," katanya.

HASIL berkata, kaedah pindaan pula adalah bergantung kepada beberapa situasi.

Bagi situasi pertama iaitu sekiranya pembayar cukai mengemukakan Borang Nyata dalam tempoh ditetapkan, tetapi terle-

bih lapor pendapatan atau terkurang tuntutan pelepasan dalam Borang BE asal, Katanya, pindaan boleh dibuat secara dalam talian menerusi e-Permohonan pindaan BE yang dibuka pada 1 April 2022 di <https://mytax.hasil.gov.my>.

Bagi pembayar cukai yang terkurang lapor pendapatan atau terlebih tuntutan pelepasan di dalam Borang BE asal, pindaan perlu dilakukan secara manual dengan mengemukakan surat makluman terperinci tentang kesilapan dilakukan bersama dokumen sokongan ke cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan mereka atau menerusi Borang Maklum Balas Pelanggan HASIL sebelum 1 Mei 2022.

"Mulai 1 Mei 2022, pembayar cukai yang ingin meminda sendiri maklumat atau taksiran yang tersilap lapor perlu menggunakan Borang Nyata Terpinda (BNT) Tahun Taksiran 2021 yang boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi tetapi penalti akan turut dikenakan."

"Maklumat atau taksiran yang tersilap lapor termasuklah pendapatan terkurang atau tidak dilaporkan; atau perbelanjaan elauln modal, insentif atau pele-

pasan yang terlebih tuntutan," katanya.

Kenyataan itu turut memaklumkan, BNT perlu dikemukakan dalam tempoh enam bulan dari tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata asal seperti yang ditetapkan dalam Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 dan dihantar ke cawangan yang mengendalikan fail secara serahan tangan atau melalui pos.

"Jika pindaan dibuat selepas tempoh enam bulan dari tarikh pengemukaan Borang Nyata, penggunaan BNT tidak lagi dibenarkan dan rayuan secara manual perlu dibuat terus ke cawangan yang mengendalikan fail.

"Untuk maklumat lanjut, pembayar cukai boleh melayari Portal Rasmi HASIL > Perundangan > Garis Panduan > Garis Panduan Bil 1 Tahun 2020: Prosedur Pengemukaan Borang Nyata Terpinda," katanya.

Pengenaan cukai juga boleh berubah akibat daripada pindaan yang dibuat ini, apabila seseorang yang pada asalnya tidak perlu bayar cukai, boleh dikenakan cukai akibat pindaan tersebut.

"Cukai tambahan juga mungkin dikenakan sehingga tidak la-



Lapor pendapatan secara e-Filing memberi peluang kepada pembayar cukai menerima bayaran balik sekiranya Potongan Cukai Bulanan oleh majikan melebihi cukai yang sepatutnya dibayar.

yak menerima bayaran balik.

"Justeru, pastikan setiap dokumen perbelanjaan bagi tujuan cukai direkodkan dengan baik dan kiraan dibuat terlebih dahulu sebelum menghantar e-Filing.

"Selain itu, bagi yang sudah berkahwin dan memilih untuk menghantar Borang Nyata secara berasingan, bandingkan terlebih dahulu pelepasan yang ingin dituntut bersama terutamanya membabitkan pelepasan anak," katanya.

HASIL berkata, pastikan se-

ma dokumen berkaitan percuti-kaian adalah lengkap dan berada dalam keadaan tersusun serta mudah dirujuk bagi memudahkan urusan.

"Semak dahulu maklumat yang dilaporkan dalam Borang Nyata sebelum dihantar kepada HASIL bagi mengelakkan kesilapan sekali gus mengurangkan risiko untuk diaudit sekiranya maklumat yang diberikan adalah meragukan," katanya.

Untuk maklumat lanjut, boleh layari laman web www.hasil.gov.my.



28 APR, 2022

30 April tarikh akhir pindaan Borang Nyata BE tanpa penalti

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) membenarkan pembayar cukai membuat pindaan maklumat dalam Borang Nyata atau e-Filing yang telah dihantar. Bagaimanapun, HASiL dalam satu kenyataan berkata, pindaan perlu dibuat dalam tempoh pengemukaan Borang Nyata mengikut kategori pembayar cukai bagi mengelakkan penalti. Bagi pembayar cukai yang menghantar Borang BE Tahun Taksiran 2021, pindaan perlu dibuat sebelum atau pada 30 April 2022.